

قَتِيقِن تَيْتِه

PETIKAN TITAH

"NIKMAT sihat membolehkan seseorang dapat memenuhi hajatnya dengan baik, seperti mencari ilmu dan beramal ibadat dengan selesa. Kesihatan yang optima tidak syak lagi akan membolehkan seseorang individu itu menunaikan kewajipan dunia dan akhiratnya dengan sempurna."

- Titah Majlis Ilmu 2012 Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66 pada 23 Syawal 1433H / 11 September 2012M.



# Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي سَائِرِ دَوْلَاتِهَا

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Berikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman."  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41 - 43.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 25

27 FEBRUARI 2019 / 1440 جمادى الأخير 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

# Menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi  
Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail yang mengadakan Lawatan Rasmi ke negara ini selama dua hari.

Menyertai bersama Yang Amat Berhormat pada Majlis Mengadap tersebut ialah Timbalan Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Senator Dato' Marzuki bin Yahya; Timbalan Ketua Setiausaha, Yang Mulia Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin; Ketua Pengarah, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Mohd. Abd. Rahman; dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (Designate), Tuan Yang Terutama Ismail bin Salam.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail.

# Sektor ICT Brunei akan mengalami transformasi

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Februari. - Dalam sebuah kenyataan bersama daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Pengangkutan dan Infokom unikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin

Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof mengumumkan bahawa sektor Information and Communications Technology (ICT) akan mengalami transformasi bagi mempercepatkan agenda digital negara.

Dalam inisiatif ini, rangkaian

network infrastruktur Syarikat Datastream Technology Sdn. Bhd. (DST); Syarikat Telekom Brunei Berhad (TelBru); Syarikat Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB); dan Syarikat Brunei International Gateway (BIG) akan disatukan ke dalam syarikat Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), sebuah anak syarikat Darussalam Assets Sdn. Bhd.

UNN bekerjasama dengan syarikat Deutsche Telekom Group

sebagai rakan kongsi teknikal untuk menjayakan inisiatif berkenaan.

Dengan inisiatif ini juga, TelCos akan dapat akses yang sama kepada rangkaian UNN, dan akan menumpukan fokus kepada bahagian retail dengan menawarkan perkhidmatan fixed dan mobile yang kompetitif kepada pelanggan.

Ke muka 3



Muka 5

ULANG Tahun Hari Kebangsaan, Pembebasan Kuwait Diraikan

Muka 7

BENDERA besar negara diturunkan

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN





# Menghadapi pelbagai bencana negara, tingkatkan kesiapsiagaan

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana izin-Nya jua kita dapat hadir di Mesyuarat Majlis Bencana Kebangsaan Kali Ke-2 / 2018 pada petang ini. Kita juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah kurnia-Nya kita dapat menikmati suasana aman dan tenteram serta sentiasa dilindungi daripada bencana yang berskala besar yang telah melanda negara-negara lain. Kita berdoa semoga nikmat keamanan dan ketenteraman ini akan terus berkekalan. Amin.

Terlebih dahulu, saya ingin maklumkan bahawa sebagaimana terkandung dalam surat Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertarikh 5 Mei 2018 bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan "Bagi Pengerusi kepada Majlis Bencana Kebangsaan (National Disaster Management Council) dipengerusikan oleh peringkat Menteri sahaja. Dengan ini, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adalah selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan. Keahlian bagi Jawatankuasa baharu ini tidak akan berubah." Sehubungan dengan itu, kita Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Bencana Kebangsaan sukacita menyebarkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM di atas pimpinan bijaksana, visi, pandangan serta nasihat-nasihat yang berguna semasa DYTM menjadi Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan.

Saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis Bencana Kebangsaan serta semua agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan sukarelawan dan orang ramai di atas sumbangan, kerjasama erat dan bantuan dalam menangani bencana-bencana sepanjang tahun 2018, iaitu semasa negara menghadapi banjir pada awal bulan Januari 2018 dan kebakaran hutan di negara ini. Saya sukacita menghargai peranan dan tindakan yang diambil oleh Pegawai-Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah dalam mengambil tindakan dan membuat penyesuaian semasa berlakunya banjir. Dari tindakan-tindakan ini, kita telah dapat menambah pengalaman dan pengetahuan yang dapat digunakan di masa akan datang bagi membaiki lagi tatacara menangani



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Mesyuarat Majlis Bencana Kebangsaan Ke-2 / 2018 pada Sabtu, 30 Rabiulawal 1440 Hijrah bersamaan 8 Disember 2018 Masihi di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 4, Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.**

bencana ini. Alhamdulillah, dengan kerjasama erat dan bantuan semua agensi kita telah dapat mengawal keadaan serta membantu mereka yang terjejas dalam bencana ini dan sekali gus meringankan kesulitan yang mereka hadapi.

Kerjasama erat dan padu ini melambangkan sikap kesiapsiagaan semua yang berkenaan dan komitmen yang tinggi dalam menangani bencana. Saya berharap kita akan dapat mempertahankan dan seterusnya meningkatkan lagi komitmen kita sekarang dan akan datang.

Pada mesyuarat yang lalu, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM selaku Pengerusi telah menyarankan bagi majlis ini secara berterusan meningkatkan ke arah membina daya tahan negara dan masyarakat dalam menangani risiko-risiko bencana alam dan juga ancaman-ancaman daripada insiden buatan manusia (*human induced incident*) seperti letupan, tumpahan minyak dan sebagainya. Majlis ini seterusnya dijadikan sebagai satu platform bagi membincangkan perkara seumpamanya secara holistik dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang termaktub dalam Perintah Pengurusan Bencana 2006 bagi memandu hala tuju dan pengurusan bencana di negara kita.

Sehubungan ini, pada menjunjung sabda DYTM Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haii Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM selaku Pengerusi Majlis ini dahulu, Pusat Bencana Kebangsaan telah mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan lagi kerjasama dengan ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance (AHA Centre) khususnya dalam bidang meningkatkan keupayaan tenaga manusia (*capacity building*) dengan memberi peluang kakitangan pusat ini dan agensi-agensi berkenaan mengikuti kursus-kursus tertentu dan memanfaatkan program-program latihan di bawah perjanjian ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER 2009). Demikian juga penglibatan negara menyertai latihan-latihan serantau dalam ASEAN Regional Disaster Emergency Exercise and Simulation 2018 (ARDEX 2018) di Cilegon, Indonesia.

Demikian juga penyertaan Negara Brunei Darussalam dengan menghantar dua orang anggota dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam Pasukan ASEAN Emergency Response Assessment Team (ASEAN ERAT) bersama dengan rakan-rakan mereka dari ASEAN untuk membuat penilaian segera di kawasan-kawasan terjejas dan mengumpul maklumat tentang skala dan impak bencana di Sulawesi, di samping menilai keperluan penduduk yang terjejas sebagai mendukung usaha-usaha pihak Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB), di Palu, Indonesia, adalah juga merupakan suatu pendedahan kepada pegawai-pegawai tempatan untuk meraih pengalaman dan meningkatkan kemahiran dalam menghadapi bencana gempa bumi.

Sementara itu, NDMC telah melaksanakan bengkel dan Table Top Exercise bagi menilai dan menyelaras keupayaan tindakan-tindakan berkenaan. Saya berharap latihan-latihan bersepadu seumpama ini akan dapat terus dilaksanakan dalam tahun 2019 dan akan datang.

Sebagaimana diketahui bahawa keadaan iklim dunia sudah berubah dan sukar diramal. Asia Pasifik adalah rantau yang mudah mengalami bencana sebagaimana kita saksikan kejadian berbagai-bagai bencana yang melanda rantau ini pada tahun ini. Ini adalah merupakan cabaran yang besar kepada pihak pengurusan bencana (*disaster management*).

Ke arah ini, kita mestilah terus berwaspada dan meningkatkan kesiapsiagaan kita dalam menghadapi jenis dan bentuk bencana yang mungkin berlaku.

InsyaaAllah, NDMC akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi kapasiti pegawai dan kakitangan agensi-agensi yang berkenaan yang terlibat dalam mengawal bencana.

Sekian. *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Dari Sidang  
**Pengarang.**

27 FEBRUARI 2019 BERSAMAAN 1440 جُمَادَى الْآخِرِ 22

## PESTA BUKU BRUNEI SAJIKAN PELBAGAI JENIS TERBITAN

**S**AMBUTAN Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 secara rasminya berakhir dengan majlis penurunan bendera besar di ibu negara dan juga di setiap daerah pada Isnin lalu.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kerjasama daripada semua pihak, Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan pada tahun ini yang diadakan pada Sabtu lepas di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dengan cuaca yang amat mengizinkan dan dalam suasana yang meriah dan gilang gemilang.

Lebih daripada 25,000 orang terdiri daripada para pelajar, pegawai dan kakitangan dari sektor awam dan swasta, dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan turut serta memeriahkan perhimpunan ini dan Bandar Seri Begawan dibanjiri dengan orang ramai daripada pelbagai peringkat umur yang datang seawal jam 6.00 pagi lagi, semata-mata tidak mahu melepaskan melihat sendiri acara yang penuh bersejarah ini.

Sementara itu, sebelum Upacara Perhimpunan Agung ini, Majlis Doa Kesyukuran Sembahyang Fardu Magrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran juga diadakan di seluruh negara dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan menjadi masjid tumpuan, menandakan kesyukuran atas nikmat keamanan dan kemakmuran yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan.

Semoga dengan adanya majlis ini juga akan membentuk dalam minda setiap lapisan masyarakat untuk sentiasa bersyukur dan menyedari akan nikmat mempunyai keamanan dan kemakmuran yang diidamkan setiap orang, di samping menani dan mempertahankan negara sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Di samping itu juga, pada Ahad, diadakan Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2019 yang setentunya menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan tahun ini. Penggabungan acara tersebut menggabungkan aspek gaya sihat dan rekreasi dalam memupuk perpaduan negara melalui penghayatan budaya sukan dan penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus kepada perwujudan warga sihat yang mana adalah penting ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, satu lagi acara yang diadakan sempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan tahun ini dan sempena pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 ialah Pesta Buku Brunei (PBB) yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah bermula 27 Februari hingga 5 Mac 2019.

PBB anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyasarkan kira-kira 70,000 pengunjung untuk PBB pada tahun ini di mana pengunjung akan disajikan dengan pelbagai genre buku yang akan melibatkan 61 buah petak gerai terdiri dari DBP sendiri selaku penganjur, penerbit buku kerajaan, penerbit buku swasta, toko-toko buku dari dalam dan juga luar negara khususnya dari Singapura, Indonesia, Malaysia, Kesultanan Oman dan Jordan.

PBB tahun ini juga akan menampilkan Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' bagi meraikan 15 tahun hubungan kerjasama Brunei Darussalam dengan Kesultanan Oman dalam bidang kesenian dan kebudayaan di antara KKBS dan Kementerian Kesenian dan Warisan Kesultanan Oman. Setentunya penyertaan Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' yang disejajarkan dengan pengiktirafan BSB sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 di bawah inisiatif ISESCO akan memeriahkan lagi PBB dengan menambah kepelbagaian buku-buku serta aktiviti-aktiviti di petak jualan masing-masing.

PBB merupakan platform yang sesuai untuk menanam minat membaca bukan sahaja di kalangan anak-anak malahan juga dalam kalangan dewasa. Dengan pelbagai jenis genre buku dan terbitan, PBB adalah salah satu aktiviti yang perlu dikunjungi. Seperti tahun-tahun sebelumnya, PBB adalah satu-satunya platform terbesar bagi penjualan buku di bawah satu bumbung di negara ini.

Sepanjang tempoh penganjuran PBB, pelbagai kegiatan pengisian juga akan diadakan yang dibukakan khusus untuk sasaran kelompok entiti belia, dewasa dan juga kanak-kanak bahkan sasaran keluarga juga digalakkan untuk terlibat sama dalam apa jua kegiatan yang dilaksanakan.

Justeru datanglah beramai-beramai dan jangan lepaskan peluang untuk hadir ke PBB. InsyaaAllah, mengunjungi PBB merupakan satu perkara yang membawa banyak manfaat kerana pelbagai bentuk buku dan terbitan boleh diperolehi yang setentunya akan menambah ilmu di dada. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

RABU	KHAMIS	JUMAAT
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
31 26 °C	32 26 °C	32 25 °C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
31 26 °C	32 26 °C	32 25 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
31 26 °C	32 26 °C	32 25 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
31 26 °C	32 26 °C	32 25 °C

Wallahuallah Bissawab | Talian Cuaca | Brunei WX App | Jabatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam | www.met.gov.bn

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
27	RABU	22	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	KHAMIS	23	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	JUMAAT	24	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	SABTU	25	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
3	AHAD	26	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	ISNIN	27	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.43
5	SELASA	28	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC 123 | 2380214



# Berkenan menerima mengadap

Oleh :  
Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 26 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail di Istana Nurul Iman.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Pengiran Datin Salwana binti Pengiran Haji Ibrahim; isteri Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Dayang Nurhayana Janis binti Abdullah; dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (Designate), Puan Rosita binti Ismail.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia berada di negara ini dalam rangka Lawatan Rasmi selama dua hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail di Istana Nurul Iman.

## Kanak-kanak diterapkan amalan gaya hidup sihat



BERANGKAT menghadiri taklimat Bulan Kesedaran mengenai Kesihatan anjuran Kementerian Kesihatan ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 26 Februari. - Bagi memupuk dan menanam tabiat untuk membudayakan amalan gaya hidup sihat dan meningkatkan lagi kesedarannya dalam kalangan murid-murid sekolah, Kementerian Kesihatan menganjurkan Bulan Kesedaran mengenai Kesihatan kepada murid-murid dan guru-guru

di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB), Jalan Kebangsaan, di sini.

Bulan Kesedaran ini merupakan kerjasama mahasiswa-mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang sedang membuat penempatan mereka di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dengan SR YSHHB.

Berangkat menghadiri taklimat tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai tanda-tanda perubahan daripada peringkat kanak-kanak ke peringkat dewasa (akil baligh) dan juga mengenai cara-cara kebersihan badan disusuli dengan soalan kuiz kesihatan dan bergambar ramai dengan warga SR YSHHB.

Dengan adanya bulan kesedaran ini, ia diharap dapat mengutarakan tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan untuk sama-sama menyarankan anak-anak supaya mengamalkan gaya hidup sihat bukan sahaja di sekolah malah di rumah mereka sendiri.

Taklimat seterusnya akan diadakan pada Selasa 5 Mac 2019 bagi kesinambungan bulan kesedaran mengenai kesihatan, di mana murid-murid akan didedahkan kepada aktiviti interaktif seperti kepentingan meminum air, mengetahui kandungan gula di dalam minuman tin dan botol juga pemakanan sihat.

ANTARA murid-murid dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB), Jalan Kebangsaan yang menghadiri taklimat Bulan Kesedaran mengenai Kesihatan anjuran Kementerian Kesihatan dan dengan kerjasama mahasiswa-mahasiswi UBD.

## Sektor ICT Brunei akan mengalami transformasi

Dari muka 1

Inisiatif ini akan dapat menurunkan harga pembekalan perkhidmatan *fixed* dan *mobile*, dan pada masa yang sama meningkatkan lagi liputan dan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Dalam masa terdekat ini, perkhidmatan rangkaian tidak akan terjejas dan harga yang ditawarkan tidak akan berubah.

Pembangunan sektor ICT adalah penting bagi menciptakan ekosistem yang akan menyokong transformasi digital Negara Brunei Darussalam bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Penubuhan UNN adalah salah satu daripada pencapaian terbesar dalam perjalanan transformasi sektor ICT Negara Brunei Darussalam ke arah sebuah negara yang maju dalam sektor ICT.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menekankan kepentingan penubuhan sebuah *state-of-the-art, fixed-mobile convergent network*, dan peranan UNN untuk menyediakan latihan dan bantuan bagi memastikan Bruneianisation yang sepenuhnya, juga terus membina asas bagi mempelbagaikan ekonomi dan boleh menjana peluang pekerjaan yang bermakna dalam sektor ICT.





# Terima kunjungan hormat Ketua-ketua Perwakilan Asing



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing di negara ini, iaitu Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke negara ini, Tuan Yang Terutama Phonethavy Boudara (kanan).

## Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Negara (MMN), Yang Berhormat Selasa, 26 Februari. - Yang Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Di-Pertua Majlis Mesyuarat Seri Setia Awang Haji Abdul

Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat dari Ketua-ketua Perwakilan Asing di negara ini secara berasingan. Yang Berhormat mula-mula

menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar diikuti dengan Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Republik Demokratik Rakyat Lao ke negara ini, Tuan Yang Terutama Phonethavy Boudara.

Ke muka 12

# Suntik semangat patriotik warga KHEU

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 26 Februari. - Bagi sama-sama menyuntik semangat patriotik dan membarigakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Perhimpunan Khas Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 bagi kementerian berkenaan di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Acara kemuncak majlis ialah Forum Rancangan Strategik Tahun 2020 - 2024 dengan objektif sebagai platform bagi KHEU membarigakan maklumat-maklumat mengenai pencapaian dan usaha-usaha yang perlu ditingkatkan bagi mencapai visi dan misi kementerian, seterusnya menuju matlamat Wawasan 2035. Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid selaku Pengerusi Bersama Majlis, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri terlebih dahulu dalam ucapan alu-aluannya, antara lain menerangkan, forum yang disampaikan pada acara tersebut bertujuan untuk membarigakan rancangan strategik KHEU dan pencapaian sehingga kini bagi

tempoh pelaksanaan 2015 - 2019. Forum Rancangan Strategik Tahun 2020 - 2024 meneruskan acara pada dan dipengerusikan oleh Pegawai Permakanan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Abang Muhammad Masrur bin Abang Haji Zainuddin.

Sementara Ahli Penal Forum terdiri daripada Pegawai Ugama Kanan, Pejabat Setiausaha Tetap, Dayang Hajah Omi Klsum binti Haji Md Noor; Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Awang Muhammad Yusoff bin Haji Abd. Majid; dan Pegawai Pelajaran, Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Aziman bin Haji Zaman.

Forum berkisar mengenai pembarigakan rancangan strategik KHEU dan pencapaian sehingga kini bagi tempoh pelaksanaan 2015 - 2019, di samping membarigakan perancangan penyediaan rancangan strategik KHEU bagi tempoh lima tahun ke hadapan 2020 - 2024.

Forum juga membincangkan kepentingan rancangan strategik dengan mengaitkan isu dan cabaran yang dihadapi masa kini oleh KHEU dalam menuju mencapai visi kementerian dan Wawasan Brunei 2035.

Ahli Panel turut menyentuh mengenai tiga fokus strategi yang utama dalam perancangan strategik akan datang, iaitu Pendidikan Ugama Berkesan; Da'wah Mantap; dan Jaminan Keselamatan dan Kesejahteraan Sosial.

Sebagai salah satu langkah pembarigakan, ahli panel juga

menyentuh mengenai Petunjuk Prestasi Utama yang terpilih bersama dengan cadangan inisiatif-inisiatifnya.

Selain daripada itu, forum dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran warga kementerian juga bagaimana setiap pegawai dan kakitangan dapat menyumbang ke arah menajayakan pencapaian rancangan strategik kementerian.

Acara dimeriahkan dengan persembahan pentas, bertajuk 'Benderaku Negeraku', yang disampaikan oleh Kumpulan Nadi Pementasan Drama, Mahasiswa / Mahasiswi KUPU SB.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Khas Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).



MAJLIS Perhimpunan Khas Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 juga diselenggarakan dengan Forum Rancangan Strategik Tahun 2020 - 2024 dengan objektif sebagai platform bagi KHEU yang dipengerusikan oleh Pegawai Permakanan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Abang Muhammad Masrur bin Abang Haji Zainuddin.



# Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Pembebasan Kuwait diraikan



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) memotong kek bersama-sama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi (kanan), sementara gambar kiri, Yang berhormat Menteri Pertahanan Kedua menerima cenderamata daripada Tuan Yang Terutama pada Majlis Resepsi Makan Malam bagi meraikan Ulang Tahun Hari Ke-58 dan Hari Pembebasan Kuwait Ke-28 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Hotel & Country Club.

**JERUDONG**, Selasa, 26 Februari. - Kedutaan Besar Kuwait di Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Resepsi Makan Malam bagi meraikan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait Ke-58 dan Hari Pembebasan Kuwait Ke-28 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Hotel & Country Club.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mewakili Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Terdahulu, majlis resepsi dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Kuwait.

Acara kemuncak majlis ialah upacara memotong kek ulang tahun perayaan tersebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi.

Majlis turut disemarakkan dengan tayangan klip video mengenai Kuwait.

Hubungan dua hala di antara

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Kuwait dan Negara Brunei Darussalam telah berkembang maju dan kini semakin berkembang menerusi pelbagai bidang melalui pelbagai lawatan rasmi yang telah diadakan.

Kedua-dua buah negara mempunyai banyak ciri yang sama

dalam pelbagai aspek, seperti agama dan budaya, ekonomi, visi dan cita-cita untuk meneroka sumber-sumber asli dan sumber manusia untuk pembangunan yang mapan di samping mempelbagaikan sumber pendapatan.

## Jabatan Penjara bertahlil di Kubah Makam Diraja



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara, KHEDN Ke-65 Tahun.

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Februari. - Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman

yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis keagamaan itu adalah bagi Memperingati Penubuhan jabatan tersebut yang Ke-65 Tahun dan dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Turut hadir, Timbalan

Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Ajman bin Haji Meludin; Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Muhammad Isamuddin bin Abdullah Juna serta para pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara.

Terdahulu, bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Guru Agama Penjara Maraburong Fasa 3, Ustaz Kani bin Haji Jeludin diikuti dengan bacaan dan Doa Tahlil

dipimpin oleh Guru Agama Penjara Maraburong Fasa 1, Ustaz Huzaime bin Haji Murah.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien lindung pada 3 Muharam 1407 Hijrah bersamaan dengan 7 September 1986 Masihi dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit lindung pada 20 Syawal 1399 Hijrah bersamaan dengan 13 September 1979 Masihi.





# Tingkat kemahiran bahasa isyarat

**PULAIE**, Isnin, 25 Februari. - Dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai terhadap kepentingan dan tatacara penggunaan bahasa isyarat untuk berkomunikasi bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah pendengaran, satu Bengkel Asas Bahasa Isyarat diadakan di Pusat Bahagia, Kampung Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan

**MENTERI** Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa merasmikan Bengkel Asas Bahasa Isyarat yang diadakan di Pusat Bahagia, Kampung Pulaie.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

pembukaan rasmi bengkel berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir di majlis berkenaan, Yang Di-Pertua Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP), Awang Khairul Anwar bin Haji Johari dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir.

Seramai 75 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil institusi

pengajian tinggi, pihak swasta, ibu bapa dan ahli keluarga OKU Pendengaran serta orang persendirian telah mendaftar bagi mengikuti sesi pertama bengkel yang diadakan sehingga 27 Februari ini.

Semasa bengkel, para peserta akan mempelajari beberapa modul asas bahasa isyarat yang merangkumi penggunaan bentuk tangan (*hand shapes*) bagi huruf dan nombor, cara berkomunikasi dengan memberikan ucapan salam dan pertanyaan serta aktiviti *role play* bersama golongan OKU Pendengaran.

Bengkel yang dianjurkan oleh JAPEM dengan kerjasama Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan; Bahagian Otorhinolaringkrologi (ENT), Perkhidmatan Audiologi dan Guru bagi Orang-Orang Tuli Kementerian Kesihatan dan Persatuan OKP serta sukarelawan daripada Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Bengkel yang akan diadakan sebanyak enam sesi bermula Februari hingga November tahun ini diharap dapat memberikan peluang kepada pelbagai peringkat masyarakat umum untuk mempelajari bahasa isyarat dan seterusnya dapat meningkatkan penerimaan orang ramai terhadap OKU Pendengaran dalam pelbagai aktiviti harian.

**MENTERI** Kebudayaan, Belia dan Sukan, semasa meninjau sesi pembelajaran Bengkel Asas Bahasa Isyarat.



## Filem-filem Jepun ditayangkan hingga 28 Februari



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato semasa menyampaikan ucapannya.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Februari. - Sebanyak tujuh buah filem dari negara Jepun dipersembahkan bagi tontonan orang ramai sepanjang berlangsungnya Festival Filem Jepun (FFJ) Kedua anjuran Yayasan Jepun dan Kedutaan Besar Jepun di negara ini bertempat di Arena Cineplex, Seri Qlap Mall mulai hari ini sehingga 28 Februari nanti.

Filem-filem tersebut menyajikan pelbagai genre termasuk drama, animasi, komedi dan kebudayaan.

Pada pembukaan festival malam ini, Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato berharap para penonton akan terhibur menyaksikan filem-filem yang disajikan sekali gus dapat mengetahui cara kehidupan masyarakat Jepun.

TYT juga mengalu-alukan orang ramai di negara ini untuk berkunjung ke Jepun dan mengalami sendiri budaya dan kehidupan serta keindahan di sana.

Antara filem-filem yang akan disiarkan pada festival itu ialah Chihayafuru 3 dan Laughing

Oleh : Hajah Siti Zuraihah  
Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah  
Pg. Osman

Under the Clouds pada 25 Februari, Perfect World dan Lu Over The Wall pada 26 Februari sementara Mixed Doubles dan Color Me True serta Yakiniku Dragon masing-masing akan ditayangkan pada 27 dan 28 Februari.

Filem pertama yang ditayangkan ialah Chihayafuru Part 3, merupakan adaptasi daripada komik popular yang mengisahkan mengenai sekumpulan pelajar sekolah menengah bertanding dalam Kejujutan Akhir Permainan Kad Tradisional Jepun, iaitu Karuta.

Kesemua filem tersebut ditayangkan dalam bahasa Jepun dengan sarikata dalam bahasa Inggeris dengan bayaran masuk BND3 bagi setiap tayangan filem.

Orang ramai boleh melayari laman sesawang [www.arena-cineplex.com](http://www.arena-cineplex.com) atau Instagram @thearenacineplex.brunei dan Facebook di The Arena Cineplex bagi mengetahui waktu tayangan filem-filem Jepun itu atau menghubungi talian +673 223 0138 / +673 223 3907 bagi tempahan tiket awal.



**JAPANESE FILM FESTIVAL 2019**

SCREENING SCHEDULE	25TH - 28TH FEBRUARY 2019	
25 FEBRUARY 2019	- CHIHAYAFURU PART 3	6.45 PM
25 FEBRUARY 2019	- LAUGHING UNDER THE CLOUDS	9.15 PM
26 FEBRUARY 2019	- LU OVER THE WALL	6.45 PM
26 FEBRUARY 2019	- PERFECT WORLD	9.00 PM
27 FEBRUARY 2019	- MIXED DOUBLES	6.45 PM
27 FEBRUARY 2019	- COLOR ME TRUE	9.00 PM
28 FEBRUARY 2019	- YAKINIKU DRAGON	7.30 PM

**TICKET FEE: B\$3 PER MOVIE**

All films will be screened in Japanese Language with English subtitles

Buy your tickets at The Arena Cineplex Qlap

<http://br.japanesefilmfest.org>  
 @jfburuni | japanesefilmfestivalbr | EMBASSY OF JAPAN BRUNEI DARUSSALAM | THE ARENA CINEPLEX | JAPAN FOUNDATION



# Bendera besar negara diturunkan



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menurunkan Bendera Besar sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Februari. - Bendera Besar Negara Brunei Darussalam di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah diturunkan bagi



menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera kebangsaan seluruh negara yang bermula pada 16 Februari 2019 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan seterusnya perbarisan masuk Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) ke kawasan tiang bendera bagi Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan

TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom ketika menerima Bendera Besar Negara Brunei Darussalam daripada ketua perbarisan anggota Tentera Laut Diraja Brunei sejourus bendera besar diturunkan.



ANGGOTA Tentera Laut Diraja Brunei menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera kebangsaan seluruh negara.

koir dan pasukan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan koir dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Sejourus selesai Lagu Kebangsaan, pasukan TLDB menurunkan bendera besar tersebut yang kemudiannya diserahkan oleh ketua perbarisan anggota TLDB kepada tetamu kehormat majlis yang seterusnya menyerahkan kepada pembawa gangsa.

Bagi memberkati upacara tersebut, bacaan Doa Selamat sebagai tanda penutup upacara dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Azrol Alim bin Haji Zaini.

Dengan sempurnanya upacara menurunkan bendera besar negara ini, adalah juga sebagai tanda selesainya pengibaran bendera di jalan-jalan raya, premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah di seluruh negara.

## Jualan Amal Dana Hospital RIPAS sempena HK35

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Februari. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) menganjurkan aktiviti Jualan Amal Dana Hospital RIPAS bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 bertempat di Ruang Legar Lobi 5, hospital berkenaan.

Majlis antara lain bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan warga Hospital RIPAS melalui aktiviti jualan amal berupa Biskut Ais Badam #HK35 yang dijual BND3 sebiji.

Di samping itu, orang ramai juga berpeluang untuk membeli Baju-T #HK35 yang berharga BND20 sehelai.

Hasil jualan itu nanti akan disalurkan sepenuhnya ke Tabung Dana Hospital RIPAS bagi membantu pesakit dan warga hospital yang memerlukannya.

Biskut ais badam #HK35 ini direka dan dibuat sendiri oleh pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS, yang antara lain turut

memberikan impak yang positif dengan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan semangat kerjasama antara pegawai dan kakitangan hospital berkenaan.

Biskut Ais Badam #HK35 yang berjumlah 1,440 biji itu kemudiannya dilengkapkan menjadi peta Negara Brunei Darussalam dan merupakan pembuatan peta biskut terbesar di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan perasmian jualan amal dana berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, yang kemudiannya diteruskan dengan tayangan video mengenai aktiviti membuat Biskut Ais Badam #HK35.

Acara kemuncak majlis menyaksikan tetamu kehormat melengkapkan Peta Negara Brunei



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin ketika meletakkan potongan Biskut Ais Badam terakhir bagi melengkapkan 'Peta Negara Brunei Darussalam'.

Darussalam dengan Biskut Ais Badam #HK35.

Juga hadir sama pada majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif,

Hospital RIPAS, Dayang Saidah binti Haji Wahid, pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan, ketua-

ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS serta Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital RIPAS.



# Pesta Buku Brunei tampilkan seni warisan Oman

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Isnin, 25 Februari. - Penyelenggaraan Pesta Buku Brunei (PBB) merupakan salah satu acara pengisian bagi menggemakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 dan juga disempenakan dengan pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019.

Bandar Seri Begawan dipilih sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 di bawah inisiatif Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO).

Perkara itu antara yang dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil pada Sidang Media PBB 2019 yang diadakan di Bilik Laila Muafakat, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Juga hadir sama pada Sidang Media berkenaan, Media Specialist at the External Media Department, Ministry of Information, The Sultanate of Oman, Ms. Tahira Mohamed Amin al Zadjali.

Menurut Datin Paduka Dr. Hajah Norlila, PBB kali ini menampilkan sesuatu yang istimewa iaitu penyertaan Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' bagi

meraikan 15 tahun hubungan kerjasama Brunei Darussalam dengan Kesultanan Oman dalam bidang kesenian dan kebudayaan di antara KKBS dan Kementerian Kesenian dan Warisan Kesultanan Oman.

Penyertaan Kesultanan Oman sebagai Country of Honour juga disejajarkan dengan pengiktirafan BSB sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 di bawah inisiatif ISESCO.

Sehubungan dengan itu, tambahnya lagi sebanyak lapan buah booth telah diperuntukkan khusus bagi Kesultanan Oman dalam PBB kali ini bagi pihak mereka mempamerkan kebudayaan dan kesenian Kesultanan Oman.

Kesultanan Oman juga akan mengadakan live cooking bagi pembuatan halwa di luar Stadium Tertutup, di samping wakil delegasi dari Kesultanan Oman akan mengadakan persembahan Qud (sejenis muzik tradisional Kesultanan Oman), bengkel Seni Berinai Henna dan Bengkel Kaligrafi.

"Untuk PBB 2019, KKBS melalui DBP selaku penganjur menetapkan satu KPI iaitu, KPI Sasaran Pengunjung berjumlah 70,000 orang," terang Datin Paduka Dr. Hajah Norlila lagi.

Oleh yang demikian, KKBS

berharap masyarakat dan penduduk di negara ini serta para pelajar dan penuntut di keempat-empat daerah untuk datang beramai-ramai berkunjung ke PBB yang akan diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah bermula 27 Februari hingga 5 Mac 2019.

Manakala Majlis Perasmian PBB 2019 akan diadakan pada Rabu, 27 Februari 2019 di Pentas Utama PBB yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebanyak 61 buah petak gerai disediakan yang mana penyertaannya adalah terdiri dari DBP sendiri selaku penganjur, penerbit buku kerajaan, penerbit buku swasta, took-toko buku dari dalam dan juga luar negara khususnya dari Singapura, Indonesia, Malaysia, Kesultanan Oman dan Jordan.

Pada penganjuran pesta buku tahun ini, DBP telah menerbitkan sebanyak 32 buah judul buku yang akan dilancarkan, empat buah buku bagi Kategori Ilmiah, enam buah buku Kategori Umum, 13 buah buku sastera dewasa dan sembilan buah buku Kategori Sastera Kanak-Kanak.

Pelancaran buku ini juga termasuk Coffee Table Book 'Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019'.

Sepanjang tempoh penganjuran PBB 2019, pelbagai kegiatan pengisian juga telah dirancang yang dibukakan khusus untuk



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil pada Sidang Media Pesta Buku Brunei 2019 yang diadakan di Bilik Laila Muafakat, Dewan Bahasa dan Pustaka.

sasaran kelompok entiti belia, dewasa dan juga kanak-kanak bahkan sasaran keluarga juga digalakkan untuk terlibat sama dalam apa jua kegiatan yang dilaksanakan.

Kegiatan-kegiatan yang akan diadakan merupakan sumbangan daripada DBP, Kesultanan Oman, Kementerian Pendidikan, GAPENA Malaysia, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press, Akademi UF, Al-Huffaz Management, juga termasuk kegiatan-kegiatan lain seperti Bedah Karya dan Bicara Buku, Cabaran Ria Bacathon, Pertandingan Akhir Manifestasi Cerita Rakyat (CERRAK), Bengkel Penulisan Buku Cerita Kanak-Kanak, Bincang-bincang Buku Terbitan UNISSA Press, Sesi

Bersama Penulis Buku, Amazing Race, Generasi Berkarih dan Bengkel Puisi Patriotik Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini juga beberapa kelompok entiti belia turut dilibatkan sama dalam pesta berkenaan khususnya mereka yang terbabit dalam bidang pengajaran, pembelajaran dan media, antaranya dari Al-Huffaz Management, Tarbiyah Global, Akademi UF, Darussalam Media dan penglibatan Pameran Trak Happy Harun dan rakan-rakan strategik yang akan turut mempamerkan serta mempromosi kegiatan pendidikan yang berbentuk aktiviti bergerak menggunakan platform *mobile truck*.

## Qbeats UTB anjur Projek Tahaadu Tahabbu, Bandarku Ceria



AHLI-AHLI Kelab Quranic Beats Universiti Teknologi Brunei (Qbeats UTB) semasa bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Februari. - Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda, "Tahaadu Tahabbu" dengan erti kata, "Saling memberi hadiahlah kamu, maka kamu akan saling mencintai".

Demikianlah hadis yang disandarkan bagi pelaksanaan

Projek Tahaadu Tahabbu yang diadakan oleh Kelab Quranic Beats Universiti Teknologi Brunei (Qbeats UTB) di Bandar Seri Begawan.

Dengan kerjasama Qbeats UTB dan usahawan biskut di Instagram, @thebakingmommy, sebanyak 155 biskut dan penanda

buku berisi tazkirah diberikan kepada orang ramai yang turun dan menyertai aktiviti di Bandarku Ceria.

Acara yang diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 tersebut menampilkan biskut-biskut yang didekorasi bertemakan logo Hari Kebangsaan tahun ini, bendera Brunei, dan slogan projek Tahaadu Tahabbu, 'Saling berbagi, saling mencintai'.

Pada acara berkenaan, pihak penganjur berkesempatan untuk memu bual orang ramai dengan mengemukakan soalan 'Mengapa mereka cinta Negara Brunei Darussalam?'

Pelbagai jawapan diterima daripada mereka, antaranya, "Saya cinta Brunei kerana negara ini penuh dengan 'kecintaan', bebas daripada segala 'ancaman'. Semoga Allah merahmati Negara Brunei Darussalam"; dan "Makanannya nyaman-nyaman, terutama nasi katok. Semoga Allah peliharakan Sultan dan negara".

Sebarang perhubungan mahupun pertanyaan, bolehlah menghubungi Timbalan Presiden Qbeats UTB, melalui talian +673 8965042 dan bagi urusan tempahan biskut, bolehlah menghubungi talian +673 8292135.

### Kursus Ibadah Haji seluruh negara bermula 1 Mac

Siaran Akhbar :  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Februari. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah akan mengadakan Kursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi pada setiap hari Jumaat dan Ahad sebanyak 12 sesi bermula jam 8.00 hingga 10.00 pagi secara serentak di keempat daerah, bermula 1 Mac hingga 28 April 2019M di Pusat-pusat Kursus masing-masing.

Tarikh-tarikh Kursus Ibadat Haji tersebut ialah pada 1, 3, 8, 10 Mac 2019 dan 5, 7, 12, 14, 19, 21, 26 dan 28 April 2019 di beberapa buah pusat kursus yang terpilih di seluruh negara.

Pusat-pusat Kursus Ibadat Haji tersebut ialah bagi Daerah Brunei dan Muara di Sekolah Ugama Lambak Kanan, Kampung Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaud; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas dan di Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Di Daerah Belait akan diadakan di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait; dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Pekan Seria sementara di Daerah Tutong dan Temburong masing-masing akan diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain dan di Sekolah Persediaan Arab Temburong.

Sehubungan itu, semua bakal-bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan Ibadat Haji Bagi Tahun 1440H / 2019M adalah dikehendaki hadir untuk mengikuti kursus-kursus ibadat haji yang telah diaturkan di pusat-pusat kursus yang telah dipilih.



# Penurunan bendera negara di Daerah Belait

Oleh : Noraisah Muhammed  
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belait

**BELAIT**, Isnin, 25 Februari. - Orang ramai khususnya bagi penduduk Daerah Belait hendaklah menurunkan bendera mereka mulai hari ini dan hendaklah melipatnya dengan kemas serta menyimpannya di tempat yang bersesuaian.

Sehubungan itu, Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 menandakan bahawa aturcara sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah berakhir.

Upacara Menurunkan Bendera bagi Daerah Belait telah diadakan di kawasan Menara Cendera Kenangan, Kuala Belait yang disaksikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad bersama ketua-ketua jabatan dan Cawangan Daerah Belait,

penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, ahli-ahli majlis perundingan mukim dan kampung, wakil-wakil dari pihak swasta dan wakil dari persatuan-persatuan.

Upacara dimulakan dengan Pasukan Pengibar Bendera Negara Brunei Darussalam bergerak masuk yang terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kemudian nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan oleh Kumpulan Koir Permata 2.0 dari Mukim Seria, juara Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-mukim di Daerah Belait bagi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun anjuran Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad semasa menerima bendera daripada pasukan Pengibar Bendera Negara Brunei Darussalam selepas diturunkan.

Selepas menyanyikan lagu kebangsaan, bendera diturunkan oleh Pasukan Pengibar Bendera dan diserahkan kepada Pemangku

Pegawai Daerah Belait untuk disimpan. Majlis disudahi dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa

Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Sungai Liang, Awang Mohamad Ikhwan bin Irwandy.

# Halaqah Zikir imarahkan Surau MTSSR

Berita dan Foto :  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BERAKAS**, Selasa, 26 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) mengadakan Halaqah Zikir berlangsung di surau berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis yang julung kali diadakan itu didahului dengan Sembahyang Fardu Zuhur berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Ketua Imam surau itu, Awang Md. Hilmy bin Haji Jamil.

Bacaan Surah Al-Waqiah secara halaqah turut mengimarahkan majlis berkenaan yang diketuai oleh Awang Md. Hilmy.

Acara bersempena sambutan Hari Kebangsaan NBD Kali Ke-35 itu antara lain bertujuan untuk mengimarahkan Surau MTSSR dengan kehadiran lebih ramai jemaah.

Di samping memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, acara ini juga adalah bagi mengembangkan syiar Islam melalui aktiviti-aktiviti Takmir Masjid serta memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan berkat Surah Al-Waqiah, harap Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dikurniakan rezeki yang berkat lagi disyukuri.

Hadir sama, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, pensyarah-pensyarah serta penuntut-penuntut Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal dan penduduk Kampung Delima Satu dan sekitarnya.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (tiga, kanan) semasa hadir pada Majlis Halaqah Zikir.



MAJLIS Halaqah Zikir didahului dengan Sembahyang Fardu Zuhur berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Ketua Imam Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR), Awang Md. Hilmy bin Haji Jamil (kanan), sementara gambar kiri, antara yang hadir pada Majlis Halaqah Zikir di Surau MTSSR.



# Memelihara kebersihan alam sekitar : Satu tuntutan agama

## KELUARAN PERTAMA

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**P**EMELIHARAAN alam sekitar kini menjadi antara agenda utama global berikutan wujudnya kesedaran terhadap kesan-kesan negatif yang terjadi kepada dunia disebabkan pencemaran dan kekotoran alam sekitar. Hakikatnya pemeliharaan alam sekitar ini bukanlah suatu yang baru. Islam sudah lama menekankan mengenai hak pemeliharaan alam sekitar.

Dalam Al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menyebutkan mengenai larangan merosak alam. Antaranya Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

**Tafsirnya :** "... Sesiapa yang membunuh seseorang (dengan sengaja) bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain,

atau kerana melakukan kerosakan di muka bumi maka sesungguhnya dia seolah-olah membunuh manusia seluruhnya."

(Surah al-Ma'idah : 32)

Ayat di atas yang bererti 'melakukan kerosakan di muka bumi' membawa maksud yang berbagai, antaranya menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala, memintas perjalanan (sama ada untuk membunuh atau merompak), menumpahkan darah, mencabuli kehormatan orang lain, merompak harta dan menzalimi hak orang lain. Termasuklah juga melakukan kerosakan di muka bumi itu, perbuatan memusnahkan binaan-binaan atau menebang pokok-pokok (tanpa ada keperluan untuk memusnahkan atau menebang) dan mengubur sungai-sungai bagi menghalang orang lain menggunakan airnya.

Selain daripada penebangan pokok tanpa kawalan atau pencemaran air sungai, laut dan udara disebabkan pembuangan sisa-sisa perindustrian, pembuangan sampah merata-rata juga dianggap perbuatan mencemar. Mengapa ia dianggap mencemar? Kerana ia menyebabkan

alam sekitar kotor sekaligus menyakitkan pandangan orang yang melihatnya, bahkan boleh membawa kepada penyebaran penyakit.

### Larangan Mencemarkan Alam Sekitar

Larangan mencemar alam sekitar ini antaranya berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya :

**Maksudnya :** "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : (Hindari dua perkara yang dilaknat).

Para sahabat bertanya : Apakah dua perkara yang dilaknat itu, wahai Rasulullah?

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab : ((Membuang air besar atau air kecil di tempat laluan manusia dan tempat (orang ramai) berteduh)."

(Hadis riwayat Muslim)

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Muadz bin Jabal Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Hindari (daripada membuang air kecil atau air besar) di tiga tempat yang dilaknat (disebabkan perbuatan orang yang melakukan membuang air kecil atau besar di sana) : (iaitu) membuangnya pada saluran-saluran air (yang digunakan oleh orang ramai), jalan yang dilalui orang ramai dan tempat (orang ramai) berteduh."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Hadis di atas menunjukkan larangan membuang air kecil atau air besar pada tempat laluan orang ramai dan tempat mereka berteduh kerana yang demikian itu boleh menyakitkan pandangan orang ramai dengan najis bagi sesiapa yang melaluinya dan disebabkan busuknya dan jijiknya najis tersebut.

Najis dari segi bahasa bermaksud kotoran. Kotoran itu pula bermaksud barang yang kotor seperti najis, sampah dan lain-lain. Berdasarkan yang demikian, membuang sampah sarap di merata-rata tempat seperti di dalam sungai dan laut, di tepi-tepi jalan,

**'PARA ulama Islam kontemporari dalam Persidangan Akademi Fiqh Islam Antarabangsa Ke-19 mengemukakan beberapa resolusi tajuk perbincangan mengenai 'Alam Sekitar dan Pemeliharaannya Pada Pandangan Islam', antaranya ialah larangan terhadap semua tindakan atau perbuatan yang membawa apa-apa kemudaratan kepada alam sekitar atau membuat kerosakan ke atasnya seperti perbuatan yang mengakibatkan ketidakseimbangan alam sekitar atau menggunakan sumber alam secara tidak adil dengan tidak mengambil kira kepentingan generasi akan datang. Hukum larangan ini adalah berdasarkan kaedah-kaedah syarak yang khusus iaitu keperluan menghilangkan kemudaratan.'**

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

**M**ENJALANI kehidupan bernegara semestinya menepati kriteria-kriteria tertentu mengikut lunas-lunas yang digariskan dalam Al-Quran dan sunnah. Banyak panduan daripada ayat-ayat Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang boleh diaplikasikan menjadi ciri-ciri bernegara dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk dan hidayah-Nya melalui ayat-ayat-Nya dalam Al-Quran. Ia mukjizat teragung bagi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memberikan petunjuk Allah bagi orang-orang yang beriman. Ini termaktub dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah Al-Araaf, ayat 52 yang tafsirnya :

"Dan demi sesungguhnya Kami telah mendatangkan kepada mereka sebuah kitab (Al-Quran) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu atas dasar pengetahuan (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 9 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala

## Al-Quran dan sunnah tonggak utama

yang besar."

Ayat-ayat ini menerangkan bahawa antara sifat Al-Quran ialah huda yang bermaksud pemberi hidayah dan petunjuk. Penyandaran sifat ini kepada Al-Quran berbentuk retorik, iaitu Al-Quran sebagai sebab menerima hidayah. Yang memberi hidayah sebenar-benarnya hanyalah Allah Subhanahu Wata'ala sahaja. Allah Subhanahu Wata'ala memberi petunjuk melalui Al-Quran kepada sesiapa saja yang beriman dengan-Nya dan mengamalkan ajaran Al-Quran.

Dalam menjalani kehidupan bernegara sewajarnya kita beriman dan membuat kebaikan demi mencapai hidayah yang dijanjikan oleh Allah ini. Rahmat dari-Nya akan sentiasa mengiringi setiap langkah kita dan mengurniakan negara kita dengan keamanan yang abadi. Semua ini akan mudah diraih dengan menjunjung tinggi Al-Quran dan mendahulukannya dalam setiap rutin kehidupan. Ini menjadikan kita golongan orang yang bertakwa sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 1 - 5 yang tafsirnya :

"Alif Laam Miim. Itulah Kitab (Al-Quran) yang tidak ada keraguan padanya. Ia adalah sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara ghaib (yang tidak kelihatan oleh mereka seperti hari kiamat, syurga dan neraka), dan mereka mendirikan sembahyang (dengan sempurnanya) dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka. Dan orang-orang yang beriman dengan apa yang diturunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad iaitu Al-Quran) dan (beriman pula dengan) apa yang diturunkan

kepada nabi-nabi yang terdahulu daripadamu (iaitu Taurat, Injil dan Zabur) dan mereka penuh yakin (adanya) hari akhirat. Mereka itulah yang beroleh hidayah daripada Tuhan mereka. Dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan."

Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan hidayah dan kemenangan bagi orang-orang yang beriman dengan Al-Quran dan bersifat takwa. Sementara Al-Quran diturunkan ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam untuk disampaikan kepada umat Baginda, selayaknya juga sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sama-sama dijunjung selepas Al-Quran. Sunnah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berperanan menjelaskan ayat-ayat Al-Quran untuk dijadikan panduan. Ini diterangkan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nahl, ayat 43-44 yang tafsirnya :

"Dan Kami tidak mengutus (rasul-rasul) sebelummu (wahai Nabi Muhammad) melainkan laki-laki yang Kami kurniakan wahyu kepada mereka. Maka bertanyalah kepada orang-orang yang mempunyai pengetahuan (mengenai kitab-kitab Allah) jika benar kamu tidak mengetahui. (Kami mengutus rasul-rasul itu) dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan az-Zubur (kitab-kitab Samawi) dan Kami menurunkan kepadamu Al-Quran supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir."

Keperluan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi dasar pengurusan dan pembangunan umat amnya dan negara khasnya. Hadis Riwayat Imam

Malik, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang jika kamu berpegang padanya kamu tidak akan sesat, iaitu Kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah nabi-Nya."

Pergandingan dua warisan peninggalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini membawa makna kedua-duanya saling berkait rapat dan menjadi pegangan utama umat Islam. Kedua-duanya adalah sumber perundangan khususnya bagi negara Islam. Dengan mengikuti ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan beriman kepada Allah akan termasuk dalam kalangan orang-orang yang mendapat petunjuk Ilahi. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Araaf, ayat 158 yang bertafsir :

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Wahai manusia! Sesungguhnya aku ialah Rasul Allah kepada kamu semua, yang bagi-Nya kuasa pemerintahan langit dan bumi, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kepada Allah dan rasul-Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia supaya kamu mendapat petunjuk."

Keterangan maksud ayat ini sangat jelas menyebutkan petunjuk Allah akan didapati jika beriman kepada Allah dan Al-Quran serta mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Inilah kriteria yang paling asas dan utama dalam menjalani hidup bernegara agar sentiasa berada di bawah naungan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa mendapat keberkatan serta rahmat dari-Nya.

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn  
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn



# Taklimat Kenegaraan kukuhkan semangat patriotik

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

TUTONG, Selasa, 26 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong meneruskan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke Sekolah Ma'had

Islam Brunei, Tutong. Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraannya, antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan Sejarah Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Hadir pada program tersebut, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Zaidi bin Mohidin; Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Hajah Kamsiah binti Haji Morshidi; tenaga pengajar dan penuntut-penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran Sekolah Ma'had Islam Brunei, Awang Zaidi bin Mohidin menyampaikan hadiah kuiz kepada pelajar yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



terhadap raja, agama, bangsa dan negara; mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Antara pengisian program termasuklah tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara', di samping Kuiz Kenegaraan.

PELAJAR Tahun 7, Sekolah Ma'had Islam Brunei yang hadir pada Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Timbalan Pengetua kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



## MINDA PEMBACA

### Semangat patriotisme perlu dijiwai dan diamalkan

NEGARA Brunei Darussalam, sebuah negara yang terletak di Pulau Borneo dan diperintah oleh seorang raja yang sangat adil dan bijaksana serta seorang yang berjiwa rakyat. Kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984 merupakan hari yang sangat bersejarah dan penuh kegembiraan. Dengan laungan 'Allahuakbar' pada hari tersebut jadilah Brunei sebuah negara Islam berfalsafahkan Melayu Islam Beraja. Sekarang, negara kita yang aman sentosa ini menjangkau

35 tahun menyambut Hari Kebangsaan, kita patut bersyukur nikmat tersebut dan berusaha akan sentiasa berbakti pada agama, bangsa dan negara.

Nilai patriotisme merupakan satu nilai yang murni. Nilai ini perlu dijiwai dan diamalkan oleh segenap rakyat agar dapat menyumbang ke arah pembentukan diri yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Antara cara menunjukkan nilai tersebut adalah dengan mempamerkan bendera

negara, menyanyi lagu kebangsaan, menyertai perhimpunan kenegaraan beramai-ramai dan sebagainya menunjukkan kesetiaan pada negara. Dari perbuatan ini, antara signifikasinya adalah membina nilai persefahaman dan penyatuan rakyat menjadi pemacu kepada kemajuan negara atau pelaburan strategik kearah keselamatan negara.

Oleh itu, nilai patriotisme perlu dimiliki oleh rakyat dari pelbagai generasi. Patriotisme merupakan ejen sosialisasi yang berkesan dan berguna

untuk mengekalkan semangat cintakan negara sehingga pada masa akan datang. Seluruh rakyat berperanan menerapkan nilai patriotisme ini pada diri mereka dan juga anak mereka bak kata pepatah 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Semai dan jiwailah nilai patriotisme ini demi agama, bangsa dan negara.

Nama : Siti Nur'ainuna Mahirah  
binti Haji Wahid  
No. K/P : 01-079352 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Semangat Kejiranan Erat Perpaduan'. Tarikh Tutup : 27 Februari 2019
2. 'Memperkasa Pembelajaran Al-Quran'. Tarikh Tutup : 6 Mac 2019
3. 'Pertahankan Permainan Tradisi Masyarakat Brunei'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2019

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# Pelajar Maktab SOAS didedahkan mengenai ASEAN



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan ketika memberikan taklimat 'Kenali ASEAN' kepada para pelajar Maktab SOAS.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Menteri melalui Unit Hal Ehwal Selasa, 26 Februari. - Jabatan Antarabangsa selaku Sekretariat Penerangan, Jabatan Perdana bagi Jawatankuasa Kecil

## Kereta tular langgar akta lalu lintas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**SERIA,** Isnin, 25 Februari. - Berikutan daripada rakaman video dan gambar kenderaan yang tular di media sosial mengenai sebuah kenderaan lama yang digunakan pada majlis perkahwinan yang berlangsung di kawasan Jalan Teripas, Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga Seria, Daerah Polis Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menahan kenderaan tersebut bersama pemilik dan pemandu untuk dibawa ke Balai Polis Seria bagi siasatan lanjut berikutan keadaan kenderaan tersebut yang tidak layak digunakan di atas jalan raya.

Siasatan awal mendapati kenderaan yang digunakan telah melanggar beberapa kesalahan di bawah Akta Kesalahan Lalu Lintas Penggal 68.

Pemilik telah diambil tindakan saman dan kompaun, iaitu lesen

kenderaan yang mansuh; insuran perlindungan yang telah mansuh; nombor pendaftaran kenderaan yang tidak mengikut peraturan dan paip ekzos yang telah diubah suai.

Manakala pemandu tersebut juga telah diambil tindakan saman kompaun kerana tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu.

Sehubungan itu, PPDB menegaskan kepada orang ramai untuk tidak sesuka hati mengubah suai kenderaan dan sentiasa peka dan mematuhi segala peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di jalan raya.



PEMILIK kenderaan telah diambil tindakan saman dan kompaun, iaitu lesen kenderaan yang mansuh; insuran perlindungan yang telah mansuh; nombor pendaftaran kenderaan yang tidak mengikut peraturan dan paip ekzos yang telah diubah suai.

Penerangan (SCI) ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS).

Program ini adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Hamzah Mohidin

sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Jerayawara dimuatkannya dengan Taklimat 'Kenali ASEAN' disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Pengetua Pentadbiran Maktab SOAS, Dayang Krestina binti Haji Daud, tenaga-tenaga pengajar sekolah bersama kira-kira 400 pelajar.

Antara tujuan Taklimat Kenali ASEAN ialah membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini, kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan

pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya. Taklimat ini juga dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik di kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat diteruskan dengan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 yang wajar diketahui oleh para penuntut mengenai strategi-strategi yang telah dirancang. Ianya dihasratkan dapat meningkatkan kesedaran penuntut-penuntut tentang perkembangan negara di mata serantau, serta menjadi pencetus semangat bagi mereka berusaha dengan lebih gigih untuk memajukan tanah air agar Wawasan Brunei 2035 dapat direalisasikan.

Di samping taklimat, jerayawara diselitkan dengan tayangan klip video dan kuiz mengenai ASEAN di mana sepuluh pemenang kuiz juga menerima hadiah masing-masing.



ANTARA penuntut Maktab SOAS yang hadir pada jerayawara tersebut.

## Terima kunjungan hormat Ketua-ketua Perwakilan Asing

Dari muka 4

Turut hadir pada kedua-dua kunjungan hormat tersebut ialah Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar serta beberapa orang pegawai kanan Jabatan Majlis-Majlis

Mesyuarat.

Kedua-dua kunjungan hormat berkenaan merupakan perjumpaan rasmi yang pertama antara kedua-dua belah pihak yang menandakan hubungan baik dan kerjasama antara kedua negara.

Antara yang dibincangkan pada pertemuan itu termasuklah membincangkan kerjasama yang sedia ada, iaitu dalam bidang pendidikan, pertanian dan tenaga *hydropower* selain mengeratkan

hubungan di antara kedua-dua Dewan Perundangan.

Dalam hubungan ini, kedua-dua pihak mengharapkan bagi kerjasama dan pertukaran tenaga manusia dan juga ahli-ahli di kedua-dua Dewan Perundangan di samping berharap lebih banyak kerjasama di dalam bidang pengangkutan, penerangan dan lainnya ke arah mengukuhkan hubungan di antara kedua-dua negara yang sekian lama terjalin.



# Dadah punca gejala sosial

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 25 Februari. - Pengaruh dadah terhadap kerukunan institusi keluarga adalah sangat membimbangkan yang

mana ia boleh menyebabkan kehidupan keluarga bertambah kucar-kacir dan tidak lagi mengutamakan nilai-nilai hidup yang dituntut oleh

syarak. Dadah yang disalahgunakan menyebabkan seseorang itu ketagih dalam jangka waktu yang singkat serta dapat merosakkan organ-organ dalam tubuh badan, merubah cara berfikir serta menjadi penjana kepada gejala-gejala sosial

yang negatif. Perkara tersebut antara yang disampaikan Guru Ugama, Sekolah Ugama Lumapas, Awang Haji Md. Amrin bin Haji Ramlee dalam tazkirahnya yang bertajuk 'Kesedaran Bahaya Dadah Haram' pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan Februari Tahun 2019 yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Lumapas, di sini.

Menurutnya, antara langkah-langkah bagi mengatasi gejala pendedaran dan penyalahgunaan dadah adalah dengan menghayati didikan agama dengan penuh keyakinan serta mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Di samping itu jelasnya, hukuman yang lebih berat juga hendaklah dikenakan terhadap pendedar dan penagih dadah haram.

Program berkenaan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 yang dipimpin oleh Awang Haji Hasrin bin Haji Salleh, disudahi dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei



GURU Ugama Sekolah Ugama Lumapas, Awang Haji Md. Amrin bin Haji Ramlee semasa menyampaikan tazkirah yang bertajuk 'Kesedaran Bahaya Dadah Haram'.

Darussalam. Lebih 400 pelajar Sekolah Ugama Lumapas menghadiri program tersebut.

Program petang ini juga diadakan serentak di keempat-empat daerah, iaitu di Daerah Tutong, program berlangsung di Sekolah Ugama Sengkarai; Daerah Belait, Sekolah Ugama Kuala Belait dan Daerah Temburong di Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkia.



ANTARA pelajar yang hadir pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan Februari Tahun 2019 yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Lumapas.

## Riadah Amal tinjau kawasan pedalaman Ulu Tutong

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda Daerah Tutong

**TUTONG,** Isnin, 25 Februari. - Sebanyak 12 buah kenderaan pacuan empat roda menyertai Riadah Amal di kawasan pedalaman Ulu Tutong yang terdiri daripada 30 orang ahli Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda Daerah Tutong dan Kelab Pajero Sport Brunei.

Riadah tersebut dikendalikan oleh Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda Daerah Tutong.

Rombongan diketuai oleh Yang Di-Pertua Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda Daerah Tutong, Awang Sha'ari bin Haji Zunaidi. Turut hadir, Ketua Kampung Benutan Tutong, Awang Haji Noralimin bin Sulong.

Zon riadah amal kali ini menfokuskan kepada kampung yang berada di kawasan pedalaman Ulu Tutong iaitu Kampung Biong Bang Dalam, Kampung Benutan, Kampung Belaban dan Kampung Supon.

Riadah juga diselajarkan dengan penyerahan bantuan berupa satu set kerusi roda kepada seorang wanita berbangsa Iban, bantuan berupa makanan asasi dan keperluan harian juga diberikan kepada warga emas, muafid dan orang-orang yang kurang berkemampuan.

Rombongan juga berkesempatan bergambar ramai di Gerbang Empangan Jubli Emas Daerah Tutong dan menikmati makan tengah hari bersama-sama warga Kampung Belabu Ulu Tutong.

Sumbangan yang dihulurkan merupakan hasil kutipan derma ahli-ahli persatuan / kelab dan orang-orang perseorangan.

Projek tersebut merupakan projek tahunan persatuan ke arah memeduli warga emas dan warga-warga yang memerlukan bantuan terutama yang berada di kawasan-kawasan pedalaman.



PENYERAHAN bantuan berupa makanan asasi kepada keluarga yang kurang berkemampuan (atas), manakala gambar bawah, rombongan menyerahkan bantuan berupa satu set kerusi roda kepada seorang wanita berbangsa Iban.



## Tingkat pengetahuan solat ketika sakit

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 25 Februari. - Sembahyang merupakan salah satu Rukun Islam yang wajib didirikan di mana sahaja kita berada dalam apa jua keadaan.

Bagi meningkatkan ilmu pengetahuan bagaimana mendirikan solat ketika sakit dan kurang keupayaan, Masjid Zon 1 dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Bengkel Menghalusi Sembahyang bagi Orang Sakit dan Orang Kurang Upaya.

Bengkel diadakan di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, yang dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan para belia daripada 22 buah masjid, surau dan balai ibadat Zon 1.

Bengkel dikendalikan oleh Guru Ugama Terlatih, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan, Awang Ahmad Sujaiee bin Mudim Haji Metassim.

Pada bengkel berkenaan, para



BENGKEL dikendalikan oleh Guru Ugama Terlatih, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan, Awang Ahmad Sujaiee bin Mudim Haji Metassim.

36. BG 6746 CASE 580H LOADER BACKHOE

**BERTEMPAT :  
DI BENGKEL JABATAN KERJA RAYA  
BAHAGIAN MEKANIKAL  
JABATAN KERJA RAYA, SINARUBAI.**

**37. 193 UNIT BERMACAM -MACAM  
JENIS PENGHAWA DINGIN SEPERTI  
CEILING TYPE, WALL MOUNTED  
TYPE, CASSETTE TYPE, SPLIT TYPE  
DAN WINDOW TYPE**

**38. 1 UNIT AHU (AIR HANDLING  
UNIT) & 2 BUAH TRAILER PERAHU**

**BERTEMPAT :  
KAWASAN TEMPAT PENYIMPANAN  
BESI BURUK KERAJAAN  
J.K.R SINARUBAI.**

**KKW / ADM / KEM / 11 BERTARIKH :  
2 JAMADILAKHIR 1440 BERSAMAAN  
7 FEBRUARI 2019**

**KKW / ADM / KEM / 11 BERTARIKH :  
26 RABIULAWAL 1440 BERSAMAAN  
4 DISEMBER 2018**

**KKW / ADM / KEM / 11 BERTARIKH :  
11 JAMADILAWAL 1440 BERSAMAAN  
17 JANUARI 2019**



**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**BILANGAN SEBUT HARGA :  
14 / FEBRUARI / 2018 / BKBN /  
1.40 / 19**

**TAJUK SEBUT HARGA :  
PERKHIDMATAN PENYEWAAN,  
PENGHANTARAN DAN  
PEMASANGAN ALAT-ALAT  
KELENGKAPAN BAGI  
ACARA-ACARA RASMI BAGI  
PROGRAM KHIDMAT BAKTI  
NEGARA (PKBN) KE-8,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Tarikh akhir mengambil  
dokumen sebut harga :  
Rabu, 27 Februari 2019,  
jam 11.00 Pagi**

**Tarikh tutup sebut harga :  
Khamis, 28 Februari 2019,  
jam 2.00 Petang**

**Yuran sebut harga :  
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Taklimat sebut harga :  
Selasa, 26 Februari 2019  
jam 10.30 Pagi  
bertempat di  
Ibu pejabat Bahagian Khidmat Bakti  
Negara (BKBN)  
Blok B18, Simpang 32-15  
Flat Anggrek Desa  
Jalan Berakas, BB3713  
Negara Brunei Darussalam**

1. SEBUT HARGA dibukakan kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen sebut harga boleh diperoleh dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.

3. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) semasa waktu bekerja di talian +673 2340045, yang bertempat di Ibu pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) Blok 18, Simpang 32-15, Flat Anggrek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.

4. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

5. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga (berwarna hijau) yang disediakan di Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu, (depan kaunter sekuriti), Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam (Peti sebut harga berwarna hijau)

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh daripada pegawai seperti yang dinyatakan di atas.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, seperti-mana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**

3. Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk

mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

**BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP/ 164 / 319 / 2018**

**TAJUK :  
ANTI TERMITE TREATMENT AND  
REMOVAL OF HORNET HIVE AT  
MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS  
BUILDING**

**TARIKH TUTUP :  
RABU, 6 MAC 2019  
2.00 PETANG**

**KELAS I & II DALAM  
KATEGORI KPB 05 SAHAJA**

**YURAN TAWARAN :  
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)**





# فيسٽا بوڪو بروني ٢٠١٩ PESTA BUKU BRUNEI 2019

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA-BRUNEI DARUSSALAM KE-35, TAHUN 2019



**Pukul:**

**8.00** pagi – **10.00** malam

**Hari Jumaat:**

**9.00** pagi – **11.30** pagi

**2.00** petang – **10.00** malam

Kesultanan Oman Sebagai  
*'Country of Honour'*

## Lestari Buku Era Digital



**Tarikh:**

**22 – 28** Jamadilakhir **1440**  
**27** Februari – **05** Mac **2019**

Su	Mo	Tu	We	Th	Fr	Sa
						1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

**Anjuran:**

**Dewan Bahasa dan Pustaka**  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tempat:**

**Stadium Tertutup**  
Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah,  
Berakas



pestabukubrunei@dbp.gov.bn



PBBrunei



Pesta Buku Brunei



# Lawatan keluar negara tingkat kemahiran



KETUA Jabatan Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Politeknik Brunei, Dayang Hajah Azizan binti Dato Paduka Haji Othman hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa, Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada seramai 20 pelajar Politeknik Brunei yang mengikuti jurusan Kejururawatan (Nursing) dan Perbidanan (Midwifery) pada Program Lawatan Sambil Belajar selama tujuh hari.

## Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 25 Februari. - Seramai 20 pelajar Politeknik Brunei (PB) yang mengikuti jurusan Kejururawatan (Nursing) dan Perbidanan (Midwifery) mengadakan Program Lawatan Sambil Belajar selama tujuh hari, iaitu semasa cuti semester ke institut-institut atau universiti luar negara yang menawarkan kursus kejururawatan, perbidanan dan perubatan di samping lawatan ke beberapa perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti hospital-hospital, Pusat Anak-anak Yatim dan juga Pusat Mempromosi Kesihatan bermula hari ini hingga 3 Mac 2019.

Mereka diiringi oleh tujuh pegawai dan seorang Pembantu Teknik Kanan daripada Sekolah

Sains Kesihatan yang mempunyai latar belakang Kejururawatan, Perbidanan dan Paramedik.

Turut menyertai lawatan ialah Ketua Sekolah Sains Kesihatan, Dayang Armah binti Tengah. Pelajar-pelajar ini mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang Kejururawatan (Nursing) dan Perbidanan (Midwifery)

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para pelajar tersebut ialah Ketua Jabatan Antarabangsa dan Perhubungan Awam (Head of International and Public Relations Department), Dayang Hajah Azizan binti Dato Paduka Haji Othman.

Untuk memastikan perjalanan

dan lawatan akan berjalan dengan lancar dan selamat, serta memudahkan urusan lawatan rasmi dan sosial, Syarikat At Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd. telah dipilih bagi urusan penerbangan dan sebagainya.

Lawatan sambil belajar ini dihasratkan untuk menggalakkan pertukaran ilmu pengetahuan, budaya dan sosial kejururawatan dan perbidanan, di samping menjalinkan hubungan mesra di antara para pelajar dengan rakan sebaya di negara yang akan dilawati; memerhati nilai-nilai dan amalan-amalan kejururawatan dan perbidanan di luar negara serta membuat perbandingan mengenai dengan perkhidmatan-perkhidmatan kejururawatan dan perbidanan termasuk juga perkhidmatan perubatan.

Selain itu, lawatan juga memperluaskan ilmu pengetahuan

serta membuat perbandingan mengenai kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara membangun masa ini; mempelajari perbezaan pendidikan kejururawatan dan perbidanan di antara Negara Brunei Darussalam dan negara yang dilawati; memberikan galakan dan didikan dalam mengeratkan silaturahmi dengan institusi-institusi tinggi yang mempunyai kepentingan bersama; membuat tinjauan berkenaan aktiviti-aktiviti kejururawatan dan perbidanan yang rentas budaya di

negara-negara yang dilawati dan mempraktikkan ilmu pengetahuan yang diperolehi mengikuti kesesuaian serta memperoleh ilmu pengetahuan, memahami budaya, khazanah dan adat resam negara-negara yang dilawati.

Adalah juga diharapkan lawatan akan dapat memberikan mereka bimbingan dan galakan untuk bekerjasama secara berpasukan di antara pegawai-pegawai, kakitangan dan pelajar-pelajar serta memberikan pendedahan kemahiran pengurusan dan kepimpinan.

## Pendaftaran Keputusan Peperiksaan SRU dalam talian dibukakan

Siaran Akhbar :  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 25 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SRU) Darjah VI Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini dihendaki mendaftar terlebih dahulu, sama ada pendaftaran secara dalam talian (*online*) atau melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit.

Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai hari Selasa, 26 Februari 2019 jam 10.00 pagi.

Pendaftaran secara dalam talian boleh dibuat menerusi laman sesawang KHEU di [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn). Manakala pendaftaran melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak)

dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST atau 38666 bagi pelanggan PCSB. Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan. Pelanggan akan dikenakan caj bayaran BND1.00 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai baki kredit yang mencukupi.

Melalui perkhidmatan itu nanti, diharapkan akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan Peperiksaan Sijil SRU Darjah VI tahun 1439H / 2018M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications System Sdn. Bhd. melalui e-mel : [mach@machbrunei.com](mailto:mach@machbrunei.com).



## Tajuk-tajuk yang akan datang ialah:

- 1) 'Suasana Sambutan Hari Kebangsaan' - Tarikh Tutup : 9 Mac 2019
- 2) 'Aktiviti Cuti Persekolahan' - Tarikh Tutup : 23 Mac 2019
- 3) 'Pokok' - Tarikh Tutup : 13 April 2019

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG, *high resolution* dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 50 perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui e-mel

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

4. Jabatan Penerangan berhak untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.





## Apa Pendapat Biskita?

### Mana satu pilihan terbaik, makan gaji atau kerja sendiri

**A**NTARA makan gaji vs kerja sendiri yang mana satu harus dipilih? Zaman sekarang ini ramai yang mula berfikir ada nak mula bekerja sendiri atau masih mengharap makan gaji. Ramai yang menyangka bahawa makan gaji adalah lebih baik sebab tidak perlu bersusah-susah untuk fikir macam mana untuk *gain income*. Tapi segelintir pula beranggapan bahawa bekerja sendiri adalah satu peluang untuk menjana pendapatan yang lagi lumayan, di samping kerja yang sangat *flexible*.

Makan gaji bererti bekerja untuk majikan, di mana majikan akan memberikan upah yang tetap pada setiap hujung bulan. Antara kelebihan makan gaji ialah dapat memperoleh gaji secara tetap setiap bulan, mudah mendapat pembiayaan pinjaman seperti membeli rumah, kereta, kad kredit dan sebagainya malahan berpeluang mendapat bonus tahunan, kenaikan pangkat dan pembangunan kerjaya.

Sementara bagi mereka yang bekerja sendiri pula, mereka perlu mencari jalan bagaimana mereka dapat membayar upah kepada diri mereka sendiri. Mungkin mereka tahu atau tidak berapa upah yang mereka perlukan setiap bulan. Mereka tidak bergantung kepada majikan, tidak kepada pekerja, mereka hanya bergantung kepada diri sendiri. Dalam erti kata lain, kerja sendiri ialah seperti menjalankan perniagaan bahkan bidang perniagaan ini luas malahan kerja sendiri ini mempunyai cabaran dan risikonya yang tinggi, ditambah pula dengan modal yang menelan kos yang jumlahnya agak besar tertakluk kepada apa jenis perniagaan yang kita bakal atau sedang kita usahakan.

"Bagi pendapat saya, antara makan gaji atau bekerja sendiri saya lebih memilih kepada bekerja sendiri walaupun pada hakikatnya ia agak merumitkan dan berhadapan dengan risiko yang berat terutama sekali dari segi pendapatan apatah lagi jika kita berurusan dengan perniagaan, namun jika kita melakukan dengan betul dengan berpadukan kepada khidmat pakar dalam perniagaan pastinya ia akan membuahkan hasil yang lumayan secara perlahan-lahan. Lagipun bagi saya antara kebaikan menjalankan perniagaan ialah hasil pendapatan adakalanya boleh mencecah angka yang jauh lebih lumayan daripada kerja makan gaji. Bahkan dengan bekerja sendiri juga memberikan kebebasan masa untuk diri kita sendiri berbanding dengan makan gaji dan apa yang istimewanya dengan menjalankan perniagaan sendiri di mana kita secara perlahan-lahan dapat membantu masyarakat dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan khasnya dan sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi negara." - Mohd. Abdul Wafy, SME.

"Antara bekerja makan gaji tidak kiralah dengan pihak kerajaan atau swasta ataupun dengan bekerja sendiri bagi saya, saya lebih memilih untuk bekerja sendiri bila sudah tiba saatnya dan mungkin pada ketika ini saya akan meneruskan berkerja dengan pihak kerajaan dan sebaliknya itu juga saya secara perlahan-lahan melibatkan diri dalam perniagaan secara kecil-kecilan dan dengan cara sebegini ia secara tidak langsung membantu saya dari segi menambah pendapatan saya dan keluarga walaupun dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan apa yang penting ialah cara pembahagian masa sahaja. Jika waktu bukan bertugas, iaitu seperti waktu kelepasan awam atau selepas bertugas saya akan mengisi masa saya dengan menjalankan perniagaan saya, walaupun nyatanya ia amat memenatkan namun segala kepenatan tersebut rasanya amat berbaloi dan terbayar dengan pendapatan sampingan yang saya peroleh dan dari pendapatan ini membantu saya untuk meningkatkan lagi perniagaan saya, jadi bagi saya sendiri antara bekerja dengan bermajikan ada baiknya juga untuk kita bekerja sendiri pada masa-masa terluang kerana ini membantu dalam menambah pendapatan ekonomi kita dan juga keluarga selain membantu menyokong memajukan ekonomi negara sendiri." - Shafiq Raziqin, BSB.

"Pada pendapat saya sebagai seorang yang berkerja dengan pihak swasta dan, di samping menjalankan perniagaan sendiri di waktu habis bekerja makan gaji atau bekerja sendiri bukanlah soalnya dan bukan sesuatu yang memeningkan kepala kita untuk menentukan yang mana lebih baik, kerana ada sesetengah mereka suka dengan bekerja makan gaji terutama dari segi pergaulan dengan rakan kerja setiap hari dan menerima gaji pada setiap awal dan hujung bulan bahkan ada sesetengah mereka pula sangat gembira menjalankan perniagaan sendiri, mereka bebas melakukan apa yang mereka suka lakukan, mereka gembira dengan hasil pendapatan yang mereka peroleh, memiliki kebebasan masa dan wang kerana kalau berniaga, masa *flexible* tidak siapa akan memberikan arahan kepada kita sebab kita juga bos dan kita juga kulinya dan memang jauh bezanya kalau makan gaji dengan berniaga sendiri. Patutlah dikatakan 90% daripada sumber rezeki adalah perniagaan." - Azrin usahawan kecil-kecilan.

Pada kesimpulannya pula pada pendapat saya selaku penulis pada ruangan Apa Pendapat Biskita ini berpendapat makan gaji atau bekerja sendiri tidak bermakna makan gaji itu tidak baik, sebenarnya makan gaji lebih mengajar makna 'selamat' manakala melibatkan diri dalam berniaga pula lebih mengajar seseorang untuk lebih berdisiplin. Disiplin akan menjadi perkara yang amat penting kerana apa sahaja yang kita lakukan, kita sendiri yang akan merasa kesannya, baik negatif ataupun positif.

Jawabannya amat bergantung pada apa yang diingini, kerana setiap pilihan mempunyai pro dan kontra, bahkan ramai yang memilih kerja berdasarkan minat dan kelayakan mereka dan kita diberi pilihan dan setiap orang berhak untuk memilih sesuatu untuk kebaikan dirinya untuk jangka masa panjang.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

i. Kesan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar.  
ii. Jimat makan di luar atau makan di rumah.



## Kenali Bahasa Brunei

**licak** bermaksud

1 berair dan berlumpur.

Contoh pemakaian kata : paujan ani mambari garing kan ka kabun, **licak**.

2 tidak keras tentang masakan dan lain-lain

Contoh pemakaian kata: luan banyak aing kau manjarang atu, iatah nasi atu **licak**.

**lidut** bermaksud perlahan tentang perbuatan atau pergerakan.

Contoh pemakaian kata : lakat lagi sakit batisnya atu, iatah **lidut** jalannya.

**naindah** atau **indah-indah** bermaksud barang atau perkakas dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : bah panyap tia **naindah** atas mija atu;

aing tutup ani, banyak **indah-indahku** dalam basasah.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

## Selera Kitani

### KAMPUNG KIUDANG



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

## AYAM BERKERISIK ASAM MANIS

### BAHAN-BAHANNYA :

- 1 ekor ayam (digoreng)
- 3 biji bawang besar (dipotong bulat dan digoreng terlebih dahulu)
- 3 ulas bawang putih (dikisar)
- 6 ulas bawang merah (dikisar)
- 4 inci halia (dikisar)
- 1 sudu makan ketumbar
- 1 sudu makan jintan putih
- 1 sudu makan jintan manis
- 2 sudu makan kerisik
- 4 sudu kicap pekat (ABC)

- 5 sudu makan sos tomato
- 5 sudu makan sos cili
- Minyak

### CARA-CARA MEMBUATNYA :

**Untuk menggoreng ayam :**  
1 sudu kecil kunyit, garam dan serbuk perasa. Bahan-bahan digaul bersama ayam yang sudah dipotong dan dibersihkan tadi. Tumiskan bawang merah, bawang putih dan halia yang

telah dikisar. Kemudian masukkan ketumbar, jintan manis dan jintan putih. Lalu masukkan kicap pekat, sos tomato, sos cili dan kerisik, selepas itu, masukkan ayam dan bawang besar yang sudah digoreng ke dalam tumisan tadi dan digaul rata sehingga masak.

**\*\*Untuk hiasan : 2 tangkai cili merah, daun sup dan daun bawang.\*\***



# Politeknik Brunei utamakan program Teknikal Diploma Level 5

## SIRI II

**PELAJAR** - pelajar akan diperkenalkan dengan pelbagai modul dan dimestikan untuk lulus modul-modul wajib yang diserapkan ke dalam program-program yang ditawarkan di bawah setiap program diploma. Antara modul wajib tersebut adalah :

**a. Penempatan industri mandatori ataupun 'internship' bagi sekurang-kurangnya enam bulan di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta pihak industri yang meliputi syarikat-syarikat dan firma-firma swasta**

Pelajar yang dipilih di bawah program tertentu, seperti pelajar di bawah program Diploma in Telecommunications and Systems Engineering berpeluang untuk mengikuti Skim Perantis di beberapa syarikat, yang mana Politeknik Brunei (PB) telah pun menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat Telekom Brunei Berhad (TelBru) dan Syarikat Datastream Technologies Sdn. Bhd. (DST).

Pelajar diberi peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan akademik dan kemahiran mereka dalam persekitaran perindustrian yang sebenar termasuklah pendedahan terhadap etika dan tanggungjawab profesionalisme serta prospek dan peluang-peluang pekerjaan dalam bidang yang berkaitan.

Sistem pendidikan di PB akan terus dimantapkan agar program-program yang dijalankan akan memenuhi keperluan pihak industri dan memberi lebih peluang bagi graduan untuk mendapatkan pekerjaan di pihak industri atau keusahawanan.

**b. Program Pengayaan (Enrichment Program)**

Semasa pengajian di PB, pelajar juga berpeluang untuk mengikuti program-program pengayaan secara ko-kurikulum melalui kegiatan jasmani, rohani, akli, keagamaan dan berpasukan yang menitikberatkan kepentingan terhadap falsafah Melayu Islam Beraja. Penglibatan pelajar akan diambil kira melalui markah pengayaan (Enrichment Points) yang diperolehi melalui penglibatan di dalam program dan aktiviti ko-kurikulum dan akan diambil kira dalam penyumbangan kepada pemarkahan penganugerahan diploma masing-masing.

Set kemahiran khusus dalam Modul 'Enrichment', iaitu merupakan salah satu modul yang mesti diambil oleh setiap pelajar di PB dan setiap pelajar mestilah lulus dalam modul ini bagi penganugerahan Diploma mereka. Objektif pembelajaran modul ini adalah berdasarkan kepada tiga aktiviti teras :

- *Leadership development;*
- *Professionalism and self-management* dan
- *Social and civic responsibility.*

Berikut adalah bidang kemahiran utama *life skills* yang dikembangkan melalui modul ini :

- *Communication skills;*
- *Working with others;*
- *Managing tasks and problems;*
- *Applying numeracy;*
- *Applying technology;*
- *Applying design & creativity*

dan

- *Developing personal performance.*

**c. Modul Entrepreneurship**

Modul Entrepreneurship ini diajarkan dari peringkat awal pengajian di PB bagi setiap pelajar yang mengikuti program Level 5 Diploma. Pelajar-pelajar diberikan nasihat, bimbingan serta dorongan agar bersedia untuk berusaha untuk menerokai bidang perusahan selepas tamat pengajian mereka nanti dan juga disarankan agar tidak berharap semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan sahaja.

**d. Modul Pendidikan Islam**

Modul Pendidikan Islam ini diajarkan dengan menggunakan kaedah Blended Teaching and Learning Model Supplemental / Enhancement, iaitu dengan mengekalkan struktur asas kursus, waktu perkuliahan, bahan dan buku rujukan dengan berasaskan teknologi, dan aktiviti di luar kuliah.

Dengan modul ini setiap pelajar-pelajar PB yang beragama Islam dimestikan mengikuti beberapa kursus amali Kursus-kursus Fardu Ain dan Fardu Kifayah seperti Pengurusan Jenazah dan Bengkel Menghalusi Bacaan Surah Al-Fatihah. Modul ini turut mengadakan Kursus Pra-Nikah (Jerayawara Bersama Jabatan Syariah) dan beberapa lawatan sambil belajar ke beberapa institusi ke-agamaan

seperti Jabatan Syariah, Kehakiman, Unit Kawalan Makanan Halal (Industri Halal Food), Kawalan Aqidah dan sebagainya yang berkaitan dengan pembelajaran industri dari perspektif Islam. Di samping itu juga modul Pendidikan Islam mengundang beberapa penceramah jemputan terutama di dalam tajuk-tajuk yang khusus dan spesifik sebagai penerangan yang lebih mendalam kepada pelajar-pelajar.

**Projek Khas PB**

Penerapan Al-Quran & Amali Ibadat Menerusi Modul Pendidikan Islam GSC1102, mulai Julai 2017 bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Musabiqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M.

PB turut memperkenalkan

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim  
Sumber dan Foto : Politeknik Brunei

dan melaksanakan salah satu unit dalam modul pendidikan Islam,, khusus kepada pengajaran dan pembelajaran mengenai sejarah tamadun Islam yang berfokus kepada pengkhususan program atau bidang yang terdapat di PB, iaitu bidang perdagangan, bidang teknologi maklumat dan komunikasi, sains perubatan dan juga sains dan kejuruteraan, sebagai menyahut titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan mempelajari sejarah agar subur cinta terhadap agama.

**e. Modul Pengajian Melayu Islam Beraja**

Modul Pengajian Melayu Islam Beraja diajarkan

pada tahun pertama pengajian bagi selama 14 minggu pengajaran dan pembelajaran. Modul ini direkabentuk berdasarkan kepada keperluan dan ekspektasi falsafah Melayu Islam Beraja yang disesuaikan dengan perkembangan sistem pendidikan tinggi SPN21 di negara ini.

Bidang kursus mencakupi perspektif sosial, sains politik, teknologi, ekonomi dan Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam. Semua pelajar digalakkan terlibat dengan kerja-kerja amali di luar bilik darjah dengan membuat penyelidikan dan pembuatan media kreatif berhubung dengan budaya, aspek kemasyarakatan dan kenegaraan. Kursus akan diajarkan dalam bentuk interaktif kuliah, perbincangan, tutorial dan esei kaji selidik.





# FOKUS UKAN

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Jabatan Penerangan

## Prasarana Awam

**D**I Negara Brunei Darussalam terdapat sebanyak 21 buah kompleks sukan dibina oleh pihak kerajaan meliputi semua daerah melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) yang memiliki kemudahan-kemudahan serta peralatan-peralatan sukan yang diiktiraf dan diperakui oleh badan sukan serantau dan antarabangsa.

Kompleks Sukan Berakas pula dibangunkan secara berperingkat, iaitu padang bola sepak dan 'grandstand' pada tahun 1982, gelanggang futsal dan bola jaring terbuka pada tahun 2007, Green Lawn Bowl pada tahun 1987 dengan kapasiti 1,000 tempat duduk.

Gelanggang Tenis Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dibina pada November 1983 dengan kos pembinaan BND13 juta, berkapasiti 2,000 tempat duduk (1999) dengan kemudahan yang disediakan, iaitu satu gelanggang utama (hard court) dan 10 gelanggang jenis 'hard court'.



### TIP PERUBATAN SUKAN

#### Bagaimana membantu merawat kecederaan semasa bersukan?

Jika berada di rumah, bagi kecederaan kecil, gunakan air bagi menggantikan ketulan ais.

**3 jam pertama** • Lakukan Cold Compression selama 10 - 15 minit setiap setengah jam

**48 jam yang berikut** • Lakukan Cold Compression sebanyak 4 - 5 kali sehari selama 15 - 20 minit

**Selepas 48 jam** • Kompresi panas mungkin boleh digunakan

## Kejohanan-kejohanan Sukan

### Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD)

Siri Kedua

**S**UKAN Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) dianjurkan antara lain untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang akrab dalam membina pembangunan insan ke arah pembangunan sejagat, di samping membina rangkaian keharmonian melalui satu gagasan sukan bagi menjana evolusi baharu dalam usaha membentuk sebuah negara yang harmoni dan bersatu.

SKBD adalah salah satu medan untuk memilih ahli sukan berkelayakan (qualified) bagi mewakili negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Acara-acara sukan yang lazimnya dipertandingkan dalam SKBD adalah sukan-sukan yang diluluskan oleh Persatuan / Persekutuan Sukan Kebangsaan dengan merujuk Peraturan Antarabangsa seperti Badminton, Basikal, Bola Jaring, Bola Keranjang, Bola Lesut, Bola Sepak, Bola Tampar, Boling Padang, Catur, Dart, Futsal, Gasing, Golf, Hoki, Karate, Kayak, Kiu, Lawan Pedang, Lumba Perahu, Olahraga, Pencak Silat, Ping Pong, Ragbi, Renang, Sepak Takraw, Shorinji Kempo, Squasy, Taekwando, Tarik Kalat, Tenpin Boling dan Wushu.





# Sukan

## INFO SUKAN

LARIAN Hari Kebangsaan Ke-35 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 akan diadakan pada 24 Mac 2019.

Acara larian akan diadakan serentak di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM); dan Kompleks Sukan Temburong bagi Daerah Temburong.



ePaper Pelita Brunei

# Pertahankan permainan tradisi

Oleh : Hajah Siti  
Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohamad Azmi  
Awang Damit, Hajah Siti  
Zuraihah Haji Awang Sulaiman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 25 Februari. - Permainan tradisional merupakan warisan bangsa yang tidak lekuk ditelan zaman walaupun popularitinya semakin berkurangan.

Generasi muda hari ini tidak mengenali permainan tradisional dengan mendalam berikutan kemajuan teknologi yang begitu pesat.

Oleh itu, usaha-usaha untuk mempertahankan dan mendedahkan permainan-permainan warisan ini, terutamanya kepada generasi baharu perlu dipertingkatkan.

Schubungan itu, pameran sempena Acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2019 baru-baru ini turut mengetengahkan aktiviti-aktiviti permainan tradisional daripada persatuan-persatuan dan persekutuan-persekutuan yang berkenaan.

Yang Di-Pertua Persatuan Kikik Brunei Darussalam (PEKIKIK), Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad ketika ditemui menjelaskan, permainan Kikik sememangnya salah satu permainan masyarakat Brunei yang popular pada zaman dahulu yang sering dimainkan, terutamanya oleh orang-orang di Kampong Ayer.

"Kebilangannya dulu-dulu itu orang 'berpulut', maknanya ia berlawan di antara Kikik-kikik, talinya dibagi 'belahan' dan Kikik yang putus dianggap kalah," ujarnya.

Permainan Kikik ini tambahnya, merupakan satu kegiatan riadah yang boleh dimainkan oleh orang dewasa dan kanak-kanak.

Untuk itu jelasnya, dalam usaha untuk menghidupkan lagi permainan Kikik ini dalam kalangan generasi baharu agar dapat belajar bagaimana cara bermain dan membuat Kikik, pihaknya merancang untuk mengetengahkan permainan Kikik ini ke bahagian kokurikulum sekolah-sekolah dan mendedahkan kepada para pelajar sekolah di seluruh negara.

Sebelum ini, persatuannya juga pernah mengadakan Bengkel

Membuat Kikik di beberapa buah sekolah dan sambutan cukup menggalakkan.

Sepanjang penubuhannya lebih 10 tahun lalu, PEKIKIK giat menganjurkan pelbagai acara dan Festival Kikik di negara ini dan para ahlinya juga sering kali diundang menyertai kejohanan atau pertandingan Kikik di luar negara.

Menurut Awang Haji Maidin lagi, buat julung kalinya pada tahun ini, PEKIKIK akan menganjurkan Festival Layang-Layang Antarabangsa pada bulan Mac, yang akan disertai oleh lebih 100 peserta antarabangsa dari 34 buah negara.

Turut dipamerkan ialah aktiviti permainan gasing oleh Persekutuan Gasing Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Setiasaha Agung Persekutuan Gasing Kebangsaan NBD, Awang Amran bin Haji Maidin menjelaskan, persekutuan yang ditubuhkan sekitar tahun 1987 itu, kini mempunyai lebih 200 orang ahli dengan 10 buah persatuan gasing yang berdaftar di bawah persekutuan tersebut.

Antara aktiviti yang sering dianjurkan oleh persekutuan ini ialah Kejohanan Gasing sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam. Para ahli juga sering menyertai kejohanan peringkat antarabangsa di luar negara.

Dari segi pencapaian pula, pasukan negara pernah meraih pingat emas pada kejohanan-kejohanan gasing yang dianjurkan dalam dan luar negara.

Beliau berkata, permainan gasing pada zaman ini sememangnya menghadapi cabaran, di mana generasi muda masa kini lebih terdedah dengan permainan-permainan zaman moden, namun pihak persekutuan tidak kendur-kendur berusaha untuk memberikan tunjuk ajar dan demonstrasi ke sekolah-sekolah, khususnya kepada kanak-kanak. Kini, persekutuan tersebut mempunyai pemain-pemain remaja sebagai pelapis.

"Apa yang kami harapkan daripada demonstrasi tersebut agar permainan gasing akan turut diadakan di sekolah-sekolah,"

## Pasukan BAHRI juara Boling Padang Terbuka Pairs



PASUKAN BAHRI, gandingan Sufri Haji Mohin dan Bahren Haji Abdul Rahman dari Kelab Boling Padang Wisdom (WBC) Negara Brunei Darussalam (NBD) merangkul gelaran juara pada Kejohanan Terbuka Pairs 2019 bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-35 Tahun selepas menundukkan pasukan Double Trouble juga dari WBC pada perlawanan akhir dengan keputusan 13 - 11. Kejohanan berlangsung pada Ahad, 24 Februari di Pusat Boling Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan melibatkan 11 buah pasukan. Pasukan Veteran Lion Roar 60 yang diwakili Haji Mat Rasil Haji Ahmad dan Haji Mohd. Taha Haji Mohd. Tahir meraih tempat ketiga selepas menundukkan pasukan Remaja WBC Bawah 25 Tahun. Kejohanan diadakan sejak 15 Februari lepas melabuhkan tirainya dengan upacara penyampaian pingat dan piala kemenangan, disempurnakan oleh Presiden WBC, Awang Haji Johari Awang Achee. Kejohanan sulung itu dianjurkan oleh WBC dengan kerjasama Kelab Boling Padang Penerbangan Diraja Brunei. - Foto dan Berita : Ihsan Kelab Boling Padang Wisdom Negara Brunei Darussalam.

menambahnya.

Satu lagi permainan yang dipamerkan ialah Petanque, iaitu sejenis sukan yang dimainkan di tempat yang lapang menggunakan *boule* yang diperbuat daripada logam dan dimainkan mengikut peraturan-peraturan tertentu.

Objektif permainan Petanque adalah untuk menguasai kedudukan dengan meletakkan *boule* milik pasukan sendiri terdekat dengan sasarannya, iaitu *jack*. Mata penamat bagi permainan Petanque ini adalah 13 mata. Petanque dimainkan dalam tiga jenis, iaitu Triple (bertiga), yang mana setiap pemain menggunakan dua biji *boule*. Double (berdua), pemain menggunakan tiga biji *boule* dan single (perseorangan), setiap pemain menggunakan tiga biji *boule*.

Atlet kebangsaan, Awang Wirna bin Haji Mohd. Yassin ketika ditemui berkata, dalam usaha membarigakan permainan ini, khususnya kepada generasi muda, Persekutuan Petanque Brunei Darussalam setiap bulan

menganjurkan aktiviti Liga Petanque Brunei (BPL) dan bakal menganjurkan Kejohanan Petanque Antarabangsa pada Mac depan, di mana antara negara yang dijangka menyertai adalah Mongolia, Thailand dan Malaysia.

Antara pencapaian terbaik mereka ialah berjaya meraih

beberapa pingat pada Kejohanan antarabangsa, seperti SEA Games dan sebagainya.

Persekutuan ditubuhkan sejak tahun 2007 dan kini mempunyai sekitar 34 ahli yang berdaftar dan diterajui oleh Presiden Persekutuan, Awang Mohamad bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.



YANG Di-Pertua Persatuan Kikik Brunei Darussalam (PEKIKIK), Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad.



SETIAUSAHA Agung Persekutuan Gasing Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Amran bin Haji Maidin.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MELAKUKAN KEROSAKAN DI MUKA BUMI, SEOLAH-OLAH MEMBUNUH MANUSIA SELURUHNYA

دتر بیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam